




KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGELASAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG BAGI KATEGORI HOTEL BUTIK

Premis penginapan pelancong haruslah memenuhi syarat-syarat wajib seperti dibawah untuk melayakkan dikelaskan sebagai Hotel Butik iaitu:

1. Premis wajib berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
2. Premis menawarkan lebih daripada sepuluh (10) bilik atau lebih daripada lima puluh (50) buah katil, mengikut mana-mana yang terpakai. (rujuk AIP 1992)
3. Premis wajib mempunyai Lesen Perniagaan / Lesen Operasi Hotel atau penginapan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) .
4. Premis wajib mempunyai :
 - i. Sijil Perakuan BOMBA sekiranya telah beroperasi lebih dari setahun .
 - ii. Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sekiranya premis beroperasi kurang satu tahun.
 - iii. Premis yang mempunyai struktur langkan terbuka atau bilik kurang dari 21 bilik tidak perlu mengemukakan Sijil Perakuan BOMBA.
5. Premis hendaklah menjadi ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu *Malaysian Association of Hotels* (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) atau *Malaysia Budget Hotel Association* (MyBHA).
6. Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperolehi Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thyphoid*.
7. Pihak premis perlu menyediakan *Grease Trap*. (Bagi premis yang mempunyai F&B)
8. Pihak premis perlu menyediakan *Generator Set* mengikut keperluan perundangan sedia ada.
9. Premis wajib menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk Orang Kurang Upaya (OKU) (rujuk Akta OKU 2008) tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya.



10. Premis hotel perlu dikelaskan terlebih dahulu (3-5 Bintang) sebelum layak memohon untuk penarafan Hotel Butik. (*samada Hotel Bandar, Hotel Tanah Tinggi, Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai)

PENGECUALIAN

1. Premis boleh memohon untuk dikelaskan sebagai Hotel Butik tanpa mengambil kira faktor lokasi hotel itu berada.

